



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA

---

**Bil. 55**

**Khamis**

**30 November 2017**

---

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Permohonan Naik Taraf Jalan Dato Mohd Musa termasuk  
Pembinaan Flyover ke Bulatan Gyrotory**  
– *YB. Puan Rubiah binti Haji Wang (Kota Samarahan)* [Halaman 1]
- **Bangunan Tinggi Berisiko Tinggi di atas Tanah Tinggi**  
– *YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)* [Halaman 3]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Khamis, 30 November 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Permohonan Naik Taraf Jalan Dato Mohd Musa  
termasuk Pembinaan Flyover ke Bulatan Gyrotory**

**2.34 ptg.**

**Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan perkara tadbir kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengenai permohonan menaik taraf Jalan Dato Mohd Musa dari lampu isyarat Batu 8 1/2 (Km21+900) termasuk pembinaan 'flyover' di Bulatan Gyrotory (G3) sebagai penambahbaikan laluan trafik untuk Kuching-Samarahan Expressway, Bahagian Samarahan.

Kota Samarahan yang dikenali sebagai *Hub* Kecemerlangan Ilmu menempatkan pelbagai institusi pengajian tinggi antaranya UNIMAS, UiTM, Institut Perguruan Kampus Tun Abdul Razak, *Tropical Peat Research Institute*, Kuching *Industrial Training Institute* (ILPKS) dan juga hospital pakar iaitu Pusat Jantung Sarawak kini berdepan dengan masalah kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak.

Tiga laluan utama pergerakan penduduk Samarahan keluar ke Kuching atau Serian adalah melalui Jalan Dato Mohd Musa, Jalan Batu 15 daripada Bulatan G3, ataupun menggunakan Jalan Expressway Kuching-Samarahan ke Jambatan Kuap menuju ke Bandar Kuching. Untuk makluman, Jalan Dato Mohd Musa merupakan jaringan jalan persekutuan dan penghubung untuk ke Kota Samarahan melalui Jalan

Kuching-Serian. Bandar Samarahan terletak 30 kilometer dari Bandar Kuching dan 20 kilometer dari Bandar Serian sekiranya mengguna laluan Jalan Dato Mohd Musa.

Populasi Bahagian Samarahan secara keseluruhannya berjumlah 176,700 penduduk dengan majoriti penempatan padat di Bandar Kota Samarahan sebanyak 103,700 penduduk. Penempatan di sepanjang jalan tersebut termasuklah Kampung Bukit Berangan, Kampung Muara Tuang, Kampung Stakan Melayu, Kampung Merdang Lumut, Kampung Pengkalan Kuap, Taman Samarindah, St. Francis Church, Market Bandar Riyal, SK Jalan Muara Tuang, SMK Muara Tuang, Sekolah Tunas Bakti, Pusat Pemulihan Akhlak Sarawak, Pejabat Pendidikan Daerah Samarahan, Markas 1 Divisyen Infrantri Malaysia dan Pusat Latihan INFRA yang kini sedang rancak dalam pembinaan.

Trend pembangunan hartanah dan komersil di sepanjang Jalan Dato Mohd Musa dan Samarahan Kuching *Expressway* menyaksikan tumbuhnya taman perumahan iaitu UniGarden, Univista, Central City, Midway City, River Ria, Tia Vista, La Promonade, bersama penduduk lebih kurang 20,000 dan dijangka terus meningkat.

Jaringan jalan raya yang sedia ada adalah laluan *single carriageway* yang mana dilalui sejumlah 12,000 hingga 15,000 jenis kenderaan setiap hari mengikut banci lalu lintas tahun 2017 oleh pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak. Cadangan menaik taraf bagi 12.65 kilometer tersebut menjadikannya *dual carriageway*, piawai R3 *Rural Road*. Skop kerja lain juga merangkumi pembinaan *flyover* di G3, kerja pembetung jalan utama, 3. Jambatan konkrit, sistem perparitan, *road furniture*, lampu isyarat dan lampu jalan.

Cadangan naik taraf dan pembinaan *flyover* akan membolehkan integrasi penduduk (Melayu, Cina dan Iban) mengangkut keluar produk dan memudahkan komunikasi serta pergerakan pengguna dari Kuching ataupun Serian. Ia juga adalah sebagai jalan alternatif dari Kuching-Serian ke jalan pesisir pantai yang akan terhubung oleh Jambatan Batang Samarahan, Jambatan Batang Sadong dan juga Jambatan Batang Lupar ke Bahagian Betong. Ini juga sebagai pemangkin bagi pembukaan tanah untuk penanam kecil-kecilan serta pembesaran kampung.

Pembinaan *flyover* merupakan elemen yang penting bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di bulatan G3 dan seterusnya melancarkan pergerakan trafik antara Kuching, Kota Samarahan, Serian dan ke zon tengah Sarawak. Besarlah harapan saya agar kementerian dapat menilai permintaan rakyat di Parlimen Kota Samarahan. Sekian, terima kasih.

**2.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum dan bersetuju dengan inti pati ucapan Yang Berhormat mengenai kepesatan pembangunan ekonomi dan sosial yang berlaku di Kota Samarahan. Bagi memastikan pertumbuhan sosial ekonomi ini terus rancak dan berkembang pesat, kemudahan infrastruktur termasuk jaringan jalan raya yang efisien dan baik amat penting sebagai pemacu ataupun pemangkin kepada pembangunan ini.

Sehubungan itu, sukacita saya ingin maklumkan bahawa kerajaan telah meluluskan projek menaik taraf laluan 8101, Jalan Dato Mohd Musa dari Kilometer Lapan ke Bulatan G3 Kota Samarahan, Kuching Sarawak dalam *Rolling Plan* tiga atau RP3, Rancangan Malaysia Kesebelas. Buat masa ini, skop bagi projek ini sedang diteliti dan akan dimuktamadkan agensi pusat iaitu Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sebelum pelaksanaan dimulakan dalam tempoh RP3, Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan bermula pada tahun hadapan 2018. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1440****Bangunan Tinggi Berisiko Tinggi di atas Tanah Tinggi**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, tentang satu projek pembangunan di puncak bukit Taman Supreme, Cheras, Kuala Lumpur, oleh pemaju yang sekarang membangkitkan kebimbangan, ketakutan penduduk-penduduk Taman Supreme dan sekitarnya akan bahaya, malapetaka dan nasib malang yang boleh berlaku ke atas mereka.

Projek untuk membina dua blok kondo 46 tingkat, satu blok kondo 26 tingkat serta 17 unit vila bertapak di atas puncak bukit yang berketinggian 300 meter dari paras laut terletak betul-betul di tepi tebing, lereng bukit yang sangat curam dengan 80 peratus daripada tapak cadangan terdiri daripada cerun kelas III hingga kelas VI. Projek ini jika dibenarkan, besar kemungkinan akan menyebabkan kemusnahan teruk kepada alam sekitar, memusnahkan tempat tinggal dan mengorbankan nyawa.

Sebelum ini terdapat beberapa kejadian hakisan tanah di Taman Supreme pada 2008 dan 2012 yang menyebabkan DBKL membelanjakan RM8 juta untuk menambah

baik tebing bukit untuk keselamatan penduduk.

Projek yang boleh diklasifikasikan sebagai amat merbahaya, berpotensi tinggi untuk berlaku tanah runtuh dan memusnahkan bangunan dan penduduk di situ tidak boleh dibenarkan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan laluan lanjutan Jalan Bukit Segar di lereng cerun yang amat curam dan pembersihan hutan akan menyebabkan berlakunya keruntuhan tebing bukit dan banjir jua. Itulah sebab lima persatuan penduduk di situ telah membuat bantahan keras terhadap projek tersebut. Kita patut mengambil iktibar dari tragedi Highland Tower, runtuh dan musnah serta Bukit Antarabangsa dan Tanjung Bungah yang mengorbankan banyak nyawa.

Apakah kejadian sebegini tidak boleh berlaku di puncak bukit Taman Supreme. Jangan menggadaikan nyawa penduduk dengan janji dan jaminan palsu bahawa di situ akan bebas tanah runtuh dan kejadian-kejadian lain yang tidak diingini. Kerisauan ribuan penduduk adalah tulin dan berasas. Projek puncak bukit Taman Supreme adalah seperti bom jangka boleh meletup dan memusnahkan segala-galanya dalam sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua bertanggungjawab untuk mengelak *time bomb* ini dengan membatalkan projek ini dan boleh diganti dengan projek yang sesuai seperti *Hill Park*. Menjadikan tapak cadangan sebagai *Hill Park* yang merupakan taman rekreasi bukit pertama bagi ibu kota yang akan memberi manfaat besar kepada warga kota. Kemudahan-kemudahan seperti *jungle gym*, *jungle trek* dan senaman *hiking* adalah antaranya faedah-faedah yang akan diperolehi daripada *Hill Park* ini. Konsep ini boleh menjadi realiti dengan peruntukan daripada pihak kerajaan melalui proses pembelian dan pengambilalihan tanah tapak cadangan. Sekian, terima kasih.

#### **2.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Cheras. Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 1 Ogos 2016 telah menerima cadangan pembangunan kediaman di atas Lot PT 40912, Taman Supreme, Cheras, Kuala Lumpur daripada Tetuan Malim Courts Property Development Sendirian Berhad. Cadangan pembangunan kediaman ini melibatkan:

- (i) penambahan kepadatan penduduk daripada 60 orang seekar kepada 120 orang seekar; dan

- (ii) pembangunan kediaman ini mengandungi fasa A (2 blok 46 tingkat 537 unit termasuk kemudahan dan tempat letak kereta dan satu blok tempat letak kereta/kemudahan 6 tingkat) serta fasa B (17 unit vila 4 tingkat dengan 1 tingkat aras bawah tanah).

Proses Kaedah 5 (Mendapatkan Pandangan Pemilik Bersebelahan) telah dijalankan pada 19 Oktober 2016 hingga 3 November 2016 dan sesi pendengaran mendapat bantahan telah dibuat pada 28 November 2016 di mana dihadiri oleh pembantah yang layak membantah dan orang-orang berkepentingan.

Di antara bantahan penduduk ialah cadangan kepadatan penduduk yang tinggi (60 ose kepada 120 ose) tidak sesuai bagi kawasan ini, tapak cadangan berada di kelas III dan IV boleh menyebabkan tanah runtuh, boleh berlakunya banjir kilat, kesesakan jalan raya akan berlaku kerana jalan raya sedia ada sempit dan pemaju perlu menyediakan laporan impak alam sekitar (EIA), laporan geoteknik dan laporan penilaian impak trafik (TIA).

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras juga, penilaian perancangan akan dibuat secara teliti dari pelbagai aspek teknikal (kepadatan penduduk yang sesuai sahaja akan dipertimbangkan bagi pembangunan di tapak ini selaras dengan pembangunan di lereng-lereng bukit).

Pemaju perlu melantik pemeriksa bebas atau IKRAM bagi menentukan pembangunan di cerun Kelas III dan Kelas IV ini boleh dibangunkan atau sebaliknya. Pemaju perlu memastikan sistem infrastruktur (parit dan jalan raya) dibina dengan lengkap mematuhi kehendak DBKL. Pemaju juga perlu mengemukakan laporan lengkap geoteknik dari pemeriksa bebas atau IKRAM dan laporan impak trafik (TIA) dari jurutera bertauliah. Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini pihak DBKL masih belum memberi apa-apa kelulusan bagi tapak ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.47 petang]***